

05/07/1997

Arab Saudi mahu SPTF jadi saluran dakwah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Arab Saudi mahu menjadikan sistem perbankan Islam yang mendapat sambutan meluas di Malaysia termasuk di kalangan bukan Islam, sebagai satu saluran berdakwah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Arab Saudi melihat Malaysia sebagai contoh pembangunan Islam dari segi amalan politik dan sistem ekonomi.

Arab Saudi kagum dengan amalan perbankan Islam seperti skim pinjaman tanpa faedah (SPTF) turut dilaksanakan oleh bank konvensional termasuk yang dimiliki oleh golongan bukan Islam.

"Mereka percaya Malaysia boleh menjadi model pelaksanaan Islam khususnya di rantau ini yang jumlah penduduk Islamnya melebihi satu perempat orang Islam keseluruhan.

"Kehendak Islam juga boleh dilaksanakan tanpa mendapat banyak penentangan walaupun negara mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama," katanya kepada pemberita di Pusat Islam hari ini.

Sebelum itu, Dr Abdul Hamid menerima kunjungan hormat Menteri Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi, Dr Abdullah Al-Muhsin At-Turkey.

Kedua-dua menteri itu sempat berkongsi pengalaman dakwah dan berbincang mengenai perkembangan Islam. Dr Abdullah mengunjungi Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga rakannya ketika memimpin pergerakan belia Islam, Isnin ini.

Dr Abdul Hamid berkata, Arab Saudi menyatakan kesediaan memberi pertolongan kepada Malaysia dan bersedia membuka pintu perundingan.

"Hubungan kita dengan Arab Saudi lebih akrab terutamanya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah Raja Fahd baru-baru ini," katanya.

Mengulas mengenai kartun menghina Islam yang disalurkan melalui internet, Dr Abdul Hamid berkata, pihaknya melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengkaji dan membuat bantahan kepada syarikat pengeluar kartun berkenaan.

(END)